

**Najib Ucap Tahniah Kepada KPN Dan TKPN Baharu
Bernama
15 May, 2013**

KUALA LUMPUR, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengucapkan tahniah kepada Tan Sri Khalid Abu Bakar kerana dilantik sebagai Ketua Polis Negara yang baharu.

Perdana menteri dalam tweet terbaharunya turut mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Mohd Bakri Zinin yang dilantik sebagai Timbalan Ketua Polis Negara.

"Semoga PDRM terus cemerlang dalam menjaga keamanan," katanya.

Pelantikan Khalid dan Mohd Bakri berkuatkuasa Jumaat (17 Mei).

Khalid, 56, yang merupakan timbalan ketua polis negara menggantikan Tan Sri Ismail Omar yang akan tamat tempoh pelantikan secara kontrak esok.

Mohd Bakri, 59, merupakan pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=949766>